

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 7  
HINGGA 38 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>30.11.2011(RABU)</b>

**DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

- (a) apakah usaha Kerajaan dalam memastikan agar Produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini dapat bersaing dengan produk komersil yang lain serta produk antarabangsa dan tidak hanya bertumpu di ekspo- ekspo kecil sahaja; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mewajibkan mana-mana pasar raya atau hypermarket untuk mengambil produk PKS untuk dipasarkan di pasar raya mereka bagi menjamin kesinambungan produk PKS di Malaysia.

**JAWAPAN**



Tuan Yang Dipertua,

a) Kerajaan sentiasa memastikan agar Produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini dapat bersaing dengan produk komersil yang lain serta produk antarabangsa dengan melaksanakan program-program pembangunan produk PKS seperti Program *Merchandising*.

Program *Merchandising* ini adalah merupakan kerjasama Kerajaan dengan pihak Pasar Raya Besar Tempatan dan Asing di Malaysia yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran pembeli akan kehadiran dan penawaran produk PKS di pasaran, meningkatkan aktiviti promosi dan seterusnya membantu meningkatkan hasil jualan produk PKS. Secara tidak langsung, program seumpama ini dapat membantu Produk PKS bersaing dengan produk komersil yang lain serta produk antarabangsa yang berada di pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

b) Kerajaan telah menetapkan supaya semua hypermarket asing perlu mematuhi Garis Panduan Penyertaan Asing dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010 yang menetapkan 30 peratus produk yang dipasarkan semua bentuk pasar raya asing dan tempatan terdiri daripada produk PKS Bumiputera.

Walaupun garis panduan tersebut mengutamakan PKS Bumiputera tetapi Kementerian mengarahkan pihak *hypermarket* tidak menyetepikan usahawan PKS Bukan Bumiputera.

Setakat ini Kerajaan belum mewajibkan mana-mana pasar raya atau hypermarket asing mengambil produk PKS untuk dipasarkan di pasar raya mereka.



Justeru, semua cadangan dan perancangan yang diperolehi daripada semua peringkat pengurusan sama ada peringkat sekolah, daerah mahupun negeri adalah diputuskan oleh pengurusan tertinggi di kementerian.

Rjm 109

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PAD A**

**DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN**

**[ KOTA BELUD ]**

**TARIKH**

**30.11.2011(RABU)**

**DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [ KOTA BELUD ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada tindakan syarikat-syarikat telekomunikasi yang berpakat secara berkumpulan untuk memaksa pengguna telefon bimbit membayar cukai perkhidmatan boleh dianggap sebagai melanggar Akta Persaingan 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat telekomunikasi dikawalselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

**NO. SOALAN : 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**Akta Persaingan 2010 tidak terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial yang dikawal selia di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].**



**PEMBER1TAHUAN**  
**PERTANYAAN PEWAN**  
**RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**TARIKH**

**SOALAN**

**JAWAB LISAN DATUK**

**CHUA SOON BUI 30**

**NOVEMBER 2011 NO.**

**10**

**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:**

- (a) apakah keputusan penyiasatan dan tindakan susulan yang diambil terhadap Kolej Universiti MAHSA (cawangan Sabah) kerana melanggar Akta 555 serta beroperasi tanpa lesen perniagaan dan sijil penggunaan premis di Kota Kinabalu dari Datuk Bandar Kota Kinabalu (DBKK), seperti mana yang diadu oleh pihak ibu bapa; dan
- (b) berapa universiti atau kolej swasta yang telah didapati melanggar Akta Kementerian tersebut dan dihukum dalam lima tahun yang lalu

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Menjawab pertanyaan (a), Kementerian Pengajian Tinggi mendapati Kolej Universiti MAHSA telah melanggar peruntukan dalam Seksyen 78, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta atau Akta 555 dan dikenakan kompaun berjumlah RM25.000. Maknanya Kolej

Universiti MAHSA telah tidak memohon dengan KPT untuk menubuhkan sebuah kampus

cawangan di Kota Kinabalu. Kompuan tersebut telah pun dijelaskan oleh MAHSA pada 20 Oktober 2011. Pemantauan terakhir yang telah dijalankan oleh KPT pada 25 Ogos 2011 yang lalu mendapati kolej universiti tersebut tidak lagi beroperasi di premis tersebut.

Bagi pertanyaan (b) pula, semenjak tahun 2007 hingga Oktober 2011, sebanyak 86 buah IPTS didapati telah melanggar pelbagai peruntukan Akta 555 dan diambil tindakan. Kompaun sejumlah Satu Perpuhuan Tujuh Lima Satu Juta Ringgit (RM1.751 juta) telah dikenakan dan dijelaskan oleh IPTS-IPTS terbabit. Di samping itu, sejumlah Dua Ratus Ribu Ringgit (RM200.000) lagi telah diperolehi menerusi pendakwaan.

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. PUAN TAN AH ENG**

**(GELANG PATAH)**

**TARIKH**

**30.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan lanjutan untuk mengadakan Kelas Pendidikan Khas di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kawasan Parlimen Gelang Patah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang mengambil berat akan pendidikan murid berkeperluan khas. Peluasan pembukaan kelas-kelas khas ini bergantung kepada permintaan setempat berdasarkan permohonan dan peningkatan bilangan murid berkeperluan khas di kawasan berkenaan.

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi kawasan Pusat Kegiatan Guru (PKG) Gelang Patah ialah sebanyak 4 buah program peringkat rendah iaitu di

**SK Kompleks Sultan Abu Bakar (2 buah kelas), SK Nusantara (2 buah kelas), SK Taman Skudai Baru 2 (2 buah kelas) dan SJKC Ping Ming (5 buah kelas), dan dua (2) buah program peringkat menengah iaitu di SMK Gelang Patah dan SMK Taman Universiti.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membolehkan pembukaan PPKI baru pihak sekolah perlu membuat permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri. Permohonan pembukaan PPKI baru hendaklah dibuat dalam tempoh 1 tahun lebih awal bagi memudahkan KPM memohon peruntukan kewangan dan perjawatan daripada agensi pusat.**



**PERTANYAAN**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**  
**PARIPAPA** PR. MICHAEL JEYAKUMAR PEVARAJ  
**TARIKH** 30 NOVEMBER 2011 (RABU)  
**SOALAN** NO-12

**Pr. Michael Jeyakumar Pevaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai universiti dan kolej swasta di Malaysia yang menawarkan kursus Diploma Kejururawatan dalam tahun 2010. Berapakah bilangan pelajar kejururawatan yang diambil oleh tiap universiti atau kolej tersebut untuk tahun 2009 dan 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010 sebanyak 47 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ada menawarkan kursus Diploma Kejururawatan. IPTS berkenaan adalah seperti berikut:

- i. 3 buah universiti swasta iaitu Aimst University, Management And Science University (MSU) dan Universiti UCSI, Kuala Lumpur;
- ii. 10 buah kolej universiti swasta iaitu Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti Islam Melaka, Kolej Universiti Nilai, Kolej Universiti Sains Kesihatan Masterskill, Kolej Universiti Segi, Kuala Lumpur Metropolitan University College, Mahsa University College,

Sunway University College, Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech (IUCTT); dan

iii. 34 buah kolej swasta.

Bilangan kemasukan ke kursus Diploma Kejururawatan di IPTS pada tahun tahun 2010 adalah seramai 9,626 pelajar.

**SOALAN NO:**

**13 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARI PAD A: Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN**

**ONN**

**TARIKH: 30 NOVEMBER 2011**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan dasar Kementerian untuk menjamin pekerjaan dan pengurusan pembantu rumah asing yang berpatutan oleh majikan tempatan dan apa tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan tiada penaambilan kesempatan dari segi peribadi serta pekerjaan oleh majikan serta minta menyediakan statistik mengenai tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap majikan yang tidak mematuhi.**

PR-1243-L45672

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan pertanyaan dari Y.B Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn bertanyakan **dasar Kementerian untuk menjamin pekerjaan dan pengurusan pembantu rumah.** Kerajaan telah mengeluarkan beberapa dasar untuk menangani isu pembantu rumah seperti berikut:

a. Negara Sumber Pembantu Rumah

Pihak kerajaan mengadakan dasar menghadkan PRA yang boleh diambil dari negara-negara tertentu sahaja. Negara-negara sumber tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Negara-negara sumber**

<b>Bil.</b>	<b>Negara Sumber</b>
<b>1.</b>	<b>Indonesia</b>
<b>2.</b>	<b>Filipina</b>
<b>3.</b>	<b>Sri Lanka</b>
<b>4.</b>	<b>Thailand</b>
<b>5.</b>	<b>Kemboja</b>
<b>6.</b>	<b>India</b>
<b>7.</b>	<b>Laos</b>
<b>8.</b>	<b>Vietnam</b>
<b>9.</b>	<b>Nepal</b>

b. Membuat MOU dengan Indonesia bagi memastikan pembantu rumah Indonesia (PRI) mendapat pembelaan



yang sewajarnya dari semua aspek penggajian.

- c. Tiada gaji minima ditetapkan bagi PRA. Gaji PRA adalah ditetapkan oleh kuasa pasaran.
- d. Megeluarkan Buku Garis Panduan Penggajian Pembantu Rumah Asing yang diedarkan kepada majikan, Pembantu Rumah Asing dan Agensi-agensi Pekerjaan Swasta.
- e. Mengadakan Seminar Pembantu Rumah Asing bagi meningkatkan lagi kesedaran kepada majikan dan PRA. KSM telah mengadakan Program Seminar dan dialog kepada majikan, PRA dan Agensi Pekerjaan Swasta. Sebanyak 41 Program Seminar dan Dialog pembantu rumah asing (PRA) Bagi Tahun 2011 telah diadakan. Ia telah dihadiri oleh seramai 1139 orang peserta iaitu 514 pembantu rumah, 532 majikan dan 93 agensi pekerjaan.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)

TARIKH : 30 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan  
menyenaraikan individu atau syarikat yang diberikan  
permit mengimport beras dan nyatakan apakah  
Kerajaan berhasrat menambah bilangan pemegang  
permit tersebut bagi mengelakkan pemonopolian yang  
boleh mengakibatkan harga beras menjadi terlalu  
tinggi.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jemaah Menteri pada 18 Mac 2011 telah bersetuju supaya perjanjian penswastaaan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dilanjutkan untuk tempoh 10 tahun lagi iaitu dari 11 Januari 2011 hingga 10 Januari 2021. Sebagai balasan terhadap tanggungjawab BERNAS dalam melaksanakan kesemua obligasi sosial yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, maka BERNAS telah diberi hak eksklusif untuk mengimport beras. Tiada syarikat lain yang diberikan permit untuk mengimport beras ke dalam negara tanpa menggunakan *Approved Permit* BERNAS. Sehubungan itu, syarikat yang berminat untuk membawa masuk beras

**ke dalam negara perlu berunding dengan BERNAS.**

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAANDEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN  
 DARI PADA Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]  
 TARIKH 30 November 2011 (Rabu)  
 SOALAN PERTANYAAN  
 DEWAN RAKYAT

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta  
 MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian memandang serius terhadap permasalahan lambakan hasil - hasil tanaman semasa musim buah - buahan dan langkah Kerajaan membantu untuk memasarkannya; dan
- (b) agensi manakah yang membantu petani kecil memasarkan hasil tanaman mereka.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI Tuan

Yang Dipertua,

(a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa memandang serius terhadap permasalahan lambakan hasil - hasil tanaman semasa musim buah - buahan. Kementerian melalui FAMA telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan pengguna dapat menikmati buah - buahan bermusim pada harga yang berpatutan sementara pengeluar - pengeluar memperoleh pulangan yang munasabah melalui kemudahan akses pasaran yang disediakan. Oleh itu, isu lambakan pada tahun ini tidak serius walaupun musim buah-buahan jatuh pada bulan Ramadhan.

Bagi tempoh pengeluaran buah Jun hingga Ogos, FAMA telah memasarkan sebanyak 6,700 mt dengan nilai RM6.66 juta melalui aktiviti-aktiviti berikut

1. Pemasaran melalui rangkaian PasarTani
2. Jualan ke pemborong buah utama
3. Jualan terus ke *hypermarket*
4. Menganjurkan karnival jualan/penglibatan karnival yang dianjurkan oleh jabatan/agensi

**5. Pesta Durian**

**6. Jualan runcit di pejabat-pejabat kerajaan, swasta, kilang dan Pasar Tani**

Selain itu, FAMA juga telah menyediakan program-program untuk membantu memasarkan produk usahawan tani tempatan khususnya di luar bandar yang PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT seterusnya boleh meningkatkan jualan dan pendapatan mereka, antaranya ialah:

- (i) jualan terus melalui Pasar Tani di seluruh negara;
- (ii) jualan terus melalui Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) di seluruh negara;
- (iii) perkhidmatan membeli produk keluaran usahawan tani secara langsung atau memadankan dengan pembeli swasta lain melalui perjanjian hadapan (*forward agreement*) yang dibuat antara petani dengan FAMA yang dikenali sebagai Kontrak Ladang;
- (iv) jualan terus melalui Agrobazar Kedai Rakyat yang diuruskan oleh usahawan- usahawan; dan
- (v) peraih motosikal tiga roda yang membeli hasil pertanian daripada petani kecil di kampung dan memasarkan ke *outlet-outlet* runcit termasuk Agrobazaar Kedai Rakyat dan Pasar Tani.

**PERTANYAAN**                      **LISAN**

**DARI PAD A**                      **Y.B. TUAN TAN TEE BENG**  
**(NIBONG TEBAL)**

**T ARIKH**                              **30.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN TAN TEE BENG [ NIBONG TEBAL ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian mengharamkan sekolah-sekolah mengadakan kelas bimbingan dan mengutip yuran daripada murid-murid. Kalau ada, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pemahaman murid-murid yang lebih lemah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Bil.1 Tahun 2006: Garis Panduan Kelulusan Melakukan Pekerjaan Luar Sebagai Guru Tuisyen atau Tenaga Pengajar Sambilan, pegawai dan kakitangan KPM dibenarkan melibatkan diri dengan aktiviti kelas bimbingan dengan syarat mematuhi garis panduan dan peraturan yang ditetapkan.

KPM telah memperuntukkan Skim Baucer Tuisyen (SBT) untuk sekolah-sekolah mengadakan kelas bimbingan bagi murid Tahun 6 dengan menggunakan kemudahan sedia ada di sekolah.

Sejak pelaksanaan SBT pada tahun 2004, SBT telah memberikan manfaat dan kesan positif terhadap pencapaian akademik murid bagi semua mata pelajaran

yang ditawarkan dalam pakej ini. Kesan intervensi program SBT berbeza mengikut mata pelajaran, lokasi, jenis sekolah, kaum dan negeri. Impak lain yang diperoleh melalui program SBT ialah;

- i. *Contact hour* murid dan guru bertambah;
- ii. Keyakinan dan motivasi murid untuk memperbaiki kelemahan mereka dan menguasai pengetahuan dan kemahiran asas dalam mata pelajaran meningkat;
- iii. Jurang pencapaian antara murid berkurangan; dan
- iv. Kadar penyertaan murid daripada keluarga miskin pada peringkat pendidikan yang lebih tinggi meningkat.

Rjm 111

**NO. SOALAN: 17**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA YB DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH 30 NOVEMBER 2011 [RABU]**

**SOALAN**

**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan menyedari gerakan pihak tertentu khususnya gereja yang cuba memesongkan aqidah umat Islam dengan berselindung di sebalik menawarkan makanan dan



bantuan rawatan pemulihan dadah dan sebagainya serta nyatakan langkah dan tindakan Kerajaan bagi menghalang usaha memesongkan aqidah umat Islam ini.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu-isu yang membabitkan sensitiviti antara penganut agama dalam mengekalkan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Dalam hal ini kerajaan akan terus memantau kegiatan-kegiatan pihak tertentu yang sengaja dibuat dengan niat untuk memesongkan akidah umat Islam, selaras dengan peraturan serta undang-undang yang berkuatkuasa dan semangat perlembagaan.

Pemantauan isu telah dibuat terhadap kegiatan-kegiatan pihak tertentu yang cuba mempengaruhi umat Islam dalam bentuk aktiviti sosial dan kebajikan.

Pihak berkuasa agama negeri khususnya pihak JAWI dan NGO's Islam juga telah menjalankan banyak program-program kebajikan dan khidmat sosial bagi menangani golongan masyarakat yang bermasalah di kalangan umat Islam.

Pihak JAKIM juga dengan kerjasama Majlis AIDS Malaysia (MAM) telah

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

mengadakan Majlis Sesi Dialog Dan Berbuka Puasa Bersama Golongan Terpinggir Di Malaysia pada 3 Ramadhan 1430H bersamaan 25 Ogos 2009M bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Majlis ini juga bertujuan bertukar pandangan, membincangkan isu-isu mengenai kerohanian, kebajikan, penganiayaan, keprihatinan dan merangka jalinan kerjasama antara Agensi Agama dan NGO bagi mengawal penularan HIV/AIDS di kalangan golongan terpinggir

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

[ IPOH BARAT ]

TARIKH: 30 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) mengapa pencen Kerajaan tidak berdasarkan jumlah tahun berkhidmat tetapi hanya maksimum 25 tahun berkhidmat; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan skim pencen bagi sektor swasta. Jika tidak mengapa tidak.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pencen anggota sektor awam telah dibayar mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga **maksimum 30 tahun bagi semua pesara dan penerima pencen berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009**. Dasar ini meliputi semua persaraan dan kematian dalam perkhidmatan sebelum tarikh kuat kuasa. Dasar ini membolehkan pesara dan penerima pencen menerima pencen sehingga maksimum 60 peratus daripada gaji akhir.

Pemberian pencen adalah **seumur hidup** kepada pesara dan pasangan yang dikahwininya dalam perkhidmatan di bawah peruntukan undang-undang pencen yang sedang berkuat kuasa. Pemberian ini **tidak mensyaratkan sebarang caruman** daripada pegawai semasa beliau dalam perkhidmatan. Selain itu, setiap kali berlakunya semakan gaji anggota sektor awam, pencen mereka akan diselaras berdasarkan Akta Penyelarasan Pencen 1980.



Maka, bagi mengatasi masalah perbelanjaan faedah persaraan yang sangat tinggi, pengambilan kira tempoh perkhidmatan bagi maksud penghitungan pencen adalah tertakluk kepada had tempoh perkhidmatan maksimum yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN      LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA  
[ PARIT ]**

**TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT**

**30 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah sambutan terhadap pejabat Kerajaan berikutan keputusan untuk mengekalkan suhu tidak rendah daripada 24 darjah Celsius dan adakah langkah ini akan menjadi satu polisi mandatori untuk pihak swasta turut serta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penggunaan tenaga elektrik dengan cekap di bangunan Kerajaan adalah satu usaha Kerajaan dalam mengambil langkah-langkah untuk menguruskan sumber tenaga negara dengan cekap dan berkesan. Perkara ini penting dilaksanakan kerana negara kita mempunyai corak penggunaan tenaga yang semakin meningkat selari dengan kadar pembangunan ekonomi. Dunia juga sedang menghadapi pelbagai cabaran kerana sumber tenaga fosil seperti minyak, gas dan arang batu semakin berkurangan dan harganya turut meningkat. Oleh itu, Kerajaan perlu menerajui langkah untuk menggunakan tenaga dengan cekap.

Keputusan Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Ogos 2011 telah menetapkan agar langkah serta-merta diambil untuk menggunakan tenaga dengan cekap di semua bangunan Kerajaan. Ini akan dilaksanakan melalui penyelarasan suhu persekitaran dalaman di semua bangunan kerajaan kepada tahap minimum 24 darjah celsius (°C). Penetapan ini merupakan salah satu langkah penjimatan tenaga tanpa kos yang boleh dilaksanakan

dengan serta merta. Sehubungan dengan itu, Kementerian saya telah menyediakan Garis Panduan mengenai pelaksanaan arahan penjimatan tenaga melalui penetapan suhu pada tahap minimum 24°C di semua bangunan Kerajaan.

Jabatan/Agensi Kerajaan menyambut baik langkah untuk menetapkan suhu persekitaran dalaman sekurang-kurangnya 24°C di bangunan Kerajaan kerana ia merupakan langkah penjimatan tenaga tanpa melibatkan kos dan dapat dilaksanakan serta merta. Secara langsung, Kerajaan akan mendapat faedah dari segi penjimatan perbelanjaan bil utiliti Kerajaan. Pada masa sekarang, tiada lagi polisi yang digubal untuk menjadikan arahan penetapan suhu tersebut turut dijadikan mandatori kepada pihak swasta. Walau bagaimanapun, pihak swasta adalah digalakkan untuk menguna pakai langkah penjimatan tenaga yang dilaksanakan Kerajaan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan dalam memastikan pembangunan mampan sumber tenaga dan meminimumkan pembaziran.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian saya juga sedang dalam peringkat akhir untuk menggubal Pelan Induk Kecekapan Tenaga Negara yang akan memberi panduan dan



hala tuju penggunaan tenaga elektrik dengan cekap dalam negara kita. Pelan Induk ini merupakan satu pelan jangka panjang yang melibatkan pendekatan holistik dan menyeluruh mengenai kecekapan tenaga yang telah dikenal pasti untuk sektor industri, bangunan dan peralatan sehingga tahun 2020. Terdapat pelan strategik bagi sektor bangunan yang dirancang untuk menggalakan pihak swasta mengamalkan kecekapan tenaga di bangunan mereka termasuklah penetapan suhu persekitaran dalaman sekurang-kurangnya 24°C sehingga ia menjadi mandatori setelah penguatkuasaan Akta Kecekapan dan Penjimatan Tenaga kelak.

\*\*\*\*\*

**Soalan No: 20**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISAN**  
**DARIPADA**                      **Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**  
**(PADANG TERAP)**

**TARIKH**                              **30.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [ PADANG TERAP ] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-**

- (a) perancangan pembinaan sekolah-sekolah menengah dan rendah yang baru bagi Parlimen Padang Terap bagi tempoh sepuluh (10) tahun akan datang; dan**
- (b) adakah ada perancangan bagi pembinaan sekolah menengah di sebelah Mukim**

**Kurung Hitam dan sebuah Sekolah Menengah Sains di Parlimen Padang Terap.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

**(a) dan (b)**

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan termasuklah di kawasan Parlimen Padang Terap. Dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru seperti yang dibangkitkan, KPM memberi keutamaan kepada tiga (3) aspek iaitu; Memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian; Memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi sekolah kurang murid.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, terdapat tiga (3) buah sekolah baru yang dicadangkan di daerah Padang Terap iaitu SMK Bukit Gedung, SMK Kurung Hitam dan SK Taman Belimbing. Untuk makluman, segala urusan pengambilan tanah telah selesai dilakukan. Berhubung dengan perancangan untuk membina Sekolah Menengah Sains di Parlimen Padang Terap, KPM sedang meneliti kesesuaian pembinaan sekolah tersebut melalui permohonan yang telah diajukan kepada Kementerian.

Rjm 112

**NO. SOALAN: 21**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE EMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS(2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN  
[HULU TERENGGANU]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penganut agama Islam yang telah murtad sehingga bulan Ogos 2011. Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah perbuatan tersebut.

**JAWAPAN: (YB. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat ini **tidak** ada **penganut agama Islam yang telah murtad berdasarkan tiada permohonan untuk murtad**, kecuali permohonan menukar status agama yang dipohon oleh individu berkenaan berikutan kekeliruan yang terdapat dalam sijil kelahiran atau kad pengenalan atau sijil akuan memeluk Islam. Penentuan dan penukaran status agama seseorang dibuat di Mahkamah Syariah. Mahkamah menimbang permohonan bagi beberapa kategori permohonan bertujuan menentu status agama dalam keadaan berikut

- i. berlakunya kekeliruan semasa pendaftaran nama terutama di negeri Sabah dan Sarawak dimana nama mereka seakan nama orang beragama Islam tetapi mereka bukan beragama Islam;
- ii. seseorang yang lahir berstatus / beridentiti Islam tetapi tidak pernah mengamalkan ajaran Islam;
- iii. seseorang mualaf yang telah memeluk Islam dan memohon untuk kembali kepada agama asal; dan
- iv. seseorang yang berasal daripada agama Islam dan telah mengamalkan ajaran Islam, hadir ke Mahkamah Syariah untuk memohon menukar status agama Islam.

Dalam usaha mencegah orang Islam keluar daripada agama Islam untuk menganut agama lain, Kerajaan mengambil **pendekatan pencegahan** dengan mengadakan program untuk mendekati golongan- golongan tertentu yang berpotensi menghadapi masalah ini.

Antara program pencegahan yang telah dilaksanakan bagi membendung masalah ini ialah ziarah dan lawatan ke rumah-rumah/institusi institusi berkaitan, menjalankan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, seminar dan diskusi agama serta

program Penerapan Nilai-nilai Islam kepada agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat Islam. Sokongan bantuan Baitul Mai juga disediakan kepada golongan yang baru memeluk Islam dan golongan yang kurang berkemampuan yang tergolong dalam golongan asnaf bagi meringankan tanggungan mereka. Khidmat nasihat turut disediakan bagi mereka yang menghadapi masalah berkaitan Islam. Khidmat nasihat ini boleh didapati melalui soal jawab kemusykilan agama internet, panggilan telefon atau hadir ke JAIN/Pejabat Agama Daerah atau ke pusat khidmat komuniti bagi mendapatkan nasihat yang berkaitan.

Sehingga Ogos 2011, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan sebanyak 5,450 program melibatkan kumpulan sasaran yang terdiri daripada Saudara Muslim, Orang Asli, pesakit hospital, warga emas, orang kelainan upaya, anak yatim, mangsa bencana alam dan masyarakat awam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISAN**

**DARIPADA**                      **Y.B. TUAN TAN KOK WAI**  
**(CHERAS)**

**TARIKH**                              **30.11.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pendaftaran dan kemasukan pelajar baru serta jumlah ditolak Tahun Satu bagi tahun 2012 di SJKC Taman Connaught 1, SJKC Taman Connaught 2 dan SJKC Naam Kheung masing-masing di Kuala Lumpur dan bagaimanakah kedudukan cadangan saya pada tahun 2007 supaya Kerajaan membina 2 buah SJKC baru di atas 2 bidang tanah rizab sekolah rendah di Lot PT1581, Taman Segar, Cheras, Kuala Lumpur dan Lot PT5404, Cheras Utama, Cheras, Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah pendaftaran dan kemasukan murid di tiga (3) buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) bagi tahun 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai data tahun 2011 yang boleh dijadikan panduan untuk sesebuah sekolah membuat persediaan dan perancangan awal persekolahan tahun hadapan.

Berdasarkan data sedia ada seperti pada 8 November 2011, jumlah murid bagi tiga (3) buah SJKC bagi tahun 2012 adalah:

- i. SJK(C) Taman Connaught mempunyai seramai 2,105 murid

ii.  
Connaught (2) mempunyai seramai 2,491 murid

SJK(C)

iii.  
Kheung mempunyai seramai 2,120 murid

SJK(C)

Naam

Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menetapkan piawai bagi bilangan murid dalam kelas dan bilangan bilik darjah mengikut peringkat rendah dan menengah bagi memastikan murid dapat belajar dalam persekitaran yang kondusif.

Mengenai cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat pada tahun 2007 supaya Kerajaan membina dua (2) buah SJKC baharu, KPM mendapati keperluan pendidikan untuk masyarakat setempat di kawasan Ahli Yang Berhormat adalah mencukupi dan kurang mendesak. Walau bagaimanapun, memandangkan kawasan Cheras sedang pesat membangun, KPM akan berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan keutamaan adalah untuk pembinaan sekolah yang dapat menyatupadukan semua golongan masyarakat.

SOALAN NO.: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN

MOHAMED

KAWASAN

SEKIJANG

TARIKH

30 NOVEMBER 2011 (RABU)

SOALAN

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKI]ANG  
minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan kekerapan gem pa bumi  
yang berlaku di Kepulauan Sumatera, Indonesia dan ada kaianya  
gegarannya dirasai di Semenanjung Malaysia, adakah ianya memberi  
kesan kepada kemudahan infrastruktur awam di Malaysia seperti jalan  
raya, jambatan, cerun dan bangunan Kerajaan.



JAWAPAN :

Tuan Yang **di-Pertua**,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia adalah negara yang bertuah kerana terletak di luar dari Zon Lingkaran Api Pasifik (Pacific Ring of Fire), iaitu kawasan yang terdedah kepada kejadian gempa bumi, letupan gunung berapi atau ribut taufan. Walaupun begitu, negara kita masih tetap menerima kesan daiam bentuk skala yang kecil berikutan dari kejadian gempa bumi dan tsunami yang berlaku di kawasan berhampiran. Berdasarkan input dari Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), dari tahun 2005 hingga September 2011, telah direkodkan sebanyak 1,531 kejadian gempa bumi yang berlaku di rantau Sumatera iaitu:

- (i) 991 adalah lemah (kurang daripada magnitud 5.0 pada skala Richter);
- (ii) 503 adalah sederhana kuat (antara magnitud 5.0 dan 6.0 skala Richter); dan
- (iii) 37 kejadian adalah gempa bumi kuat (melebihi magnitud 6.0 skala Richter).

Daripada 1,531 kejadian gempa bumi tersebut, 39 kejadian turut dirasakan oleh penduduk di Semenanjung Malaysia terutamanya di sebelah pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Bagi gempa yang sangat kuat seperti yang berlaku pada 26

**Disember 2004 di Aceh, Sumatera, gegarannya boleh dirasai sehingga ke Kelantan, Terengganu dan Pahang.**

**Mengikut rekod pemantauan gempa bumi METMalaysia, tidak ada laporan sebarang kerosakan serius kepada bangunan atau prasarana utama di negara ini akibat gegaran-gegaran tersebut. Berdasarkan United State Geological Survey (USGS), gempa bumi berskala 6 Richter dan lebih boleh menyebabkan kerosakan sejauh 160 kilometer dari pusat gempa. Walaupun jarak terdekat antara Pulau Sumatra dengan Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang 60 kilometer, kebanyakan pusat gempa bumi berada di sebelah barat Pulau Sumatra, menjadikan jarak pusat gempa dengan Semenanjung Malaysia agak jauh.**

**Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mula mengambil langkah-langkah persediaan bagi menghadapi kesan bencana alam tersebut. Antaranya adalah mewujudkan jawatankuasa Inter-Agensi Mengenai Pengurusan Risiko Gempa Bumi dan Tsunami yang diurusetikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). jawatankuasa tersebut turut dianggotai oleh agensi-agensi teknikal yang berkaitan seperti dari Jabatan Kerja Raya (JKR), jabatan Meteorologi, jabatan Mineral dan Geosains dan jabatan Standard Malaysia - bertujuan antara lain untuk menilai tahap keselamatan struktur bangunan-bangunan tinggi di negara ini.**

**Di samping itu, pada masa kini JKR juga dengan kerjasama dari Institute of Engineering Malaysia (IEM) telah selesai menggubal kod**

**amalan teknikal mengenai reka bentuk bangunan bagi menghadapi kesan**

gegaran dari bencana **gempa bumi di Malaysia**. Garis panduan tersebut disesuaikan **dari beberapa piawaian antarabangsa mengenai ancaman gegaran kepada struktur bangunan, seperti Design of Structures for Earthquake Resistance dari Eropah dan International Building Code Structural / Seismic dari Amerika Syarikat. Setakat ini garis panduan berkenaan digunakan untuk reka bentuk bangunan-bangunan baru Kerajaan yang dilaksanakan oleh JKR sahaja.**

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI**

**[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH 30 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

**Y.B. Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kerugian dan punca-punca yang dialami oleh Hospital Prince Court (milik penuh Petronas) sejak mula beroperasi serta langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi kerugian ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kerugian terkumpul Pusat Perubatan Prince Court (PCMC) setakat tahun kewangan berakhir Mac 2011 ialah sebanyak RM944.8 juta. Jumlah terkumpul ini mencerminkan

keadaan perniagaan yang masih di peringkat awal pembangunan yang mana pulangan yang dijana masih belum mencukupi untuk menanggung sepenuhnya kos operasi.

Langkah-langkah kukuh yang telah diambil oleh PCMC untuk meningkatkan pulangan adalah dengan meningkatkan jumlah pengambilan pesakit dan pengawalan perbelanjaan berterusan yang ketat serta memperbaiki *Earnings Before Interest, Taxes, Depreciation and Amortization* (EBITDA) sebagai sumber yang lebih tepat dalam mencerminkan pengawalan operasi. Dengan jumlah perbelanjaan PCMC yang telah pun stabil dan pertambahan jumlah pendapatan pada kadar pertumbuhan yang positif, jumlah kerugian bersih secara langsung akan menyusut. PCMC dijangka dapat menjana pulangan yang cukup untuk memenuhi kos operasi tunainya menjelang akhir tahun 2013.

Kadar pembangunan hospital bergantung kepada banyak faktor, tetapi perhatian khusus juga perlu diberi untuk memastikan kadar pembangunan tersebut dikendalikan pada pertumbuhan yang tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan kesihatan. PCMC akan terus memperkenalkan perkhidmatan perubatan yang baru di Malaysia serta mengembangkan kepakaran perkhidmatan perubatan dan bekalan perubatan dalam negara.

VJo-  
NQ: AUM : 29

MO ALIP ■  
ITWi # \U I" I\*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN]

TARIKH 30 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4220

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan;-

(a) jumlah sebenar warga asing di Sabah yang menjadi warganegara; dan

(b) kadar perbandingan warga asing di Sabah yang mendapat pekerjaan berbanding warga Sabah yang sebenar.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuantan yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, seseorang yang memohon untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia mestilah memenuhi syarat dan kelayakan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, mana-mana warga asing yang tidak mempunyai dokumen yang sah dan tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan adalah tidak layak untuk mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Walau bagaimanapun, rekod di Kementerian ini menunjukkan jumlah taraf kewarganegaraan yang telah diberikan kepada pemohon yang berasal dari Sabah dari tahun 2007 sehingga Ogos 2011 adalah sebanyak 3,086.

Tuan Yang Dipertua,

Namun begitu, Kementerian tidak mempunyai kadar perbandingan kemasukan warga asing di Sabah yang mendapat pekerjaan berbanding warga Sabah yang sebenar berikutan ia bukanlah di

bawah bidang kuasa Kementerian.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF**

**[RANTAU PANJANG]**

**TARIKH 30 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan terhadap projek PERMATA Negara serta semua program yang dianjurkan melibatkan isteri Perdana Menteri sejak tahun 2008 hingga 2011.

**JAWAPAN**

**YB. DATUK SERI MOHAMEDNAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program PERMATA adalah program yang berfokuskan kepada pembangunan kanak-kanak dan remaja telah dimulakan pelaksanaannya mulai tahun 2007 sehingga 2011. Program PERMATA terbahagi kepada 5 program iaitu

- a) Program PERMATA Negara iaitu program asuhan dan didikan awal kanak-kanak khusus bagi kanak-kanak di bawah umur 4 tahun. Pada masa ini Program PERMATA Negara telah berjaya diperluaskan ke 52 buah Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN), 313 buah TASKA PERMATA KEMAS, 27 buah TASKA PERMATA Perpaduan, 116 TASKA Komuniti, 66 buah TASKA PERMATA Keluarga Terengganu dan 9 buah TASKA JKM Sarawak. PERMATA juga memberikan latihan kepada Pendidik yang berkhidmat di semua Pusat dan TASKA PERMATA, menyediakan peralatan pembelajaran bagi semua Pusat dan TASKA PERMATA.
- b) Program PERMATA Pintar adalah sebuah program pengurusan bakat bagi kanak-kanak yang dikenalpasti pintar, cerdas dan berbakat khusus untuk

## NO SOALAN : 26

kanak-kanak yang berumur 9 hingga 15 tahun.

- c) Program PERMATA Seni adalah sebuah program untuk menggilap bakat kanak-kanak yang telah dikenalpasti berbakat dalam bidang seni seperti Seni Koir, Seni Muzik dan Seni Tari. Program PERMATA Seni dikhususkan kepada kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun.
  
- d) Program PERMATA Insan adalah sebuah program pengurusan bakat khusus untuk kanak-kanak yang dikenalpasti sebagai kanak-kanak pintar, cerdas dan berbakat yang mempunyai kecenderungan tinggi dalam bidang agama. Program ini adalah khusus untuk kanak-kanak yang berumur 7 hingga 8 tahun.
  
- e) Program PERKASA Remaja pula adalah sebuah program yang membantu para remaja untuk memperkasakan diri mereka melalui program yang tersusun yang memberi kemahiran-kemahiran yang bersesuaian dengan minat remaja seperti kemahiran dalam bidang masakan, fotografi, kelas bimbingan pelajaran dan sebagainya.

Program ini juga ada melaksanakan program khusus untuk membantu para

## NO SOALAN : 26

remaja yang terlibat dalam aktiviti permotoran yang berbahaya dimana remaja ini dibekalkan latihan dan kemahiran yang bersesuaian untuk membolehkan mereka berdikari.

Kesemua aktiviti - aktiviti ini dilaksanakan dengan bantuan dan kerjasama oleh agensi-agensi yang dikenalpasti mempunyai kepakaran untuk melaksanakannya iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Istana Budaya (IB) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Sepanjang pelaksanaannya, program PERMATA Negara telah mengoperasikan 52 buah PAPN, menganjurkan Seminar Kebangsaan “Setiap Anak PERMATA Negara”, Seminar Antarabangsa Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak “*Developing Human Capitals Begins with Children*” dan akan menganjurkan Ekspo PERMATA 2011.

PERMATA Pintar telah melaksanakan Program Perkhemahan Cuti Sekolah setiap hujung tahun khusus untuk kanak-kanak pintar dan menguruskan sebuah sekolah pintar khusus bagi pelajar-pelajar

## NO SOALAN : 26

tingkatan 4 dan 5.

PERMATA Insan telahpun melaksanakan Program Perkhemahan Cuti Sekolah setiap hujung tahun dan Program Pembelajaran Al-Quran sepenuh masa.

PERMATA Seni telah melaksanakan Perkhemahan Cuti Sekolah setiap cuti hujung tahun dan telah menyertai beberapa pertandingan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Program PERKASA Remaja pula telah menganjurkan Kem-Kem PERKASA Remaja dan telah menubuhkan 2 (dua) buah Komuniti Remaja di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Dalam dan PPR Sri Pantai.

Kos peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi melaksanakan semua program tersebut mulai tahun 2007 hingga 2011 adalah sebanyak RM361 juta.

DARIPADA : DATO<sup>9</sup> SERI AMWAFt BIN IBRAHISi  
[PERHHATANG PAUH]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 NOVEMBER 2011

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapa Syarikat- syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) diminta menarik semua saman yang difailkan ke atas Tan Sri Tajudin RamHi dan berapa jumlah nilai tuntutan saman yang dikemukakan oleh setiap GLC terhadap beliau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, soalan yang serupa telah ditimbulkan oleh YB Ipoh Timur pada 4 Oktober 2011 (Selasa) dan jawapan telah diberikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu kes yang melibatkan Tan Sri Tajuddin Ramli, dan badan berkaitan Kerajaan iaitu GLC kini berada diperingkat pengurusan kes (*case management*) di mahkamah. Oleh yang demikian, tiada sebarang komen dapat diberikan kerana perkara ini adalah subjudis dari segi perundangan.

**CSyMSG**

**) PERTAWYAAH : LISAN**

**TARIKH : 30.11.2011**

**Y.B.TUAN SIWAHASA A/L K. RASIAH [ SUIANG ]** minta **MENTERI HCEWANGAI** menyatakan pelan Kerajaan untuk membantu pesara menghadapi situasi infiasi menghakis keupayaan menabung kerana menurut Gioba! Aging Report, faanya 21 peratus rakyat Malaysia bersedia dari segi kewangan untuk persaraan.

JAWAPAU

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan peka dan prihatin untuk membantu pesara menghadapi tekanan infiasi yang memberi kesan kepada peningkatan *kos* sara hidup golongan ini yang seterusnya menghakis keupayaan menabung. Bajet 2012 yang dibentangkan pada Oktober 2011 telah memberi penekanan khas untuk meringankan beban rakyat akibat kenaikan kos sara hidup. Fokus Bajet 2012 ini adalah bersifat terangkum (*inclusive*) dengan meliputi semua segmen masyarakat termasuk pesara dan warga tua.

Oleh itu pefbagai strategi dan langkah telah diatur oleh Kerajaan untuk membantu golongan pesara. Strategi ini termasuk:

- i. menaikkan earuman majikan kepada 13 peratus bagi pencarum yang menerima gaji bulanan RM5.,000 dan ke bawah;
- ii. melaksanakan kenaikan tahunan pencen pesara kakitangan awam sebanyak 2 peratus tanpa perlu menunggu sebarang semakan sistem saraan atau pelarasan gaji;
- iii. memberi pengecualian bagi caj pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk 44 kiinik IMalaysia serta pergigian milik Kerajaan bagi semua warganegara berumur 60 tahun dan ke atas. Mereka juga diberi diskaun 50 peratus bagi tambang IRT dan Monorel;
- iv. memberi bantuan sebanyak RM30Q sebulan kepada warga emas miskin di bawah program Kebajikan Rakyat IMalaysia (KAR1SMA);

- v. memberi bayaran bantuan sebanyak RM500 kepada pesara Kerajaan pada akhir 2011;
- vi. melanjutkan umur persaraan wajib kakitangan awam daripada 58 tahun kepada 60 tahun; dan
- vii. menambah bilangan Kedai Rakyat IMalaysia (KR1M) ke seluruh negara yang menawarkan 250 jenis produk berjenama IMalaysia meliputi keperluan harian pengguna pada harga sehingga 40 peratus lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Bagi terus menjamin kesejahteraan rakyat di usia persaraan di samping mempromosi skim persaraan swasta yang dijangka dapat merancakkan pembangunan pasaran modal, Kerajaan juga memberikan:

- i. Pelepasan cukai baharu sehingga RM3,000 ke atas earuman dalam Skim Persaraan Swasta dan anuiti insurans selama 10 tahun. Dengan ini, pelepasan cukai sedia ada ke atas Skim Persaraan Swasta dan anuiti insurans dirasionalkan;
- ii. Potongan cukai ke atas earuman majikan bagi pekerja dalam Skim Persaraan Swasta; dan



iii. Pengecualian cukai ke atas pendapatan dana Skim Persaraan Swasta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA Y.B DATO' KAMARUL BAHARIN  
BIN ABBAS (TELOK KEMANG)  
TARIKH 30.11.2011  
(RABU)

**SOALAN :**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-**

- (a) jumlah keuntungan pelaburan sektor hartanah yang diperoleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dalam pelaburan berjumlah RM363.9 juta pada tahun lepas; dan**
- (b) senaraikan pelaburan hartanah tersebut di dalam dan di luar negara.**

**JAWAPAN:**  
Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah memperolehi pendapatan berjumlah RM24,653,000 daripada pelaburannya dalam sektor hartanah yang diperolehi dengan kos pelaburan berjumlah RM270,292,000. Nilai semasa pelaburan hartanah tersebut setakat 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM363,902,000. Kadar pulangan pelaburan berdasarkan kos pelaburan asal ialah 9.12%.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan LTAT di dalam pelaburan harta tanah bernilai RM363.9 juta setakat 31 Disember 2010 tersebut adalah merupakan pelaburan hartanah dalam Malaysia sahaja. Senarai pelaburan hartanah tersebut adalah seperti berikut:

1. Pelaburan Hartanah Pusat Penedaran Utama, Sg Jati, Klang, Selangor.
2. Pelaburan Hartanah Kompleks Perusahaan LTAT, Shah Alam, Selangor.
3. Pelaburan Hartanah Menara Surian, Mutiara Damansara, Selangor.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]**

**TARIKH 30 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**YB Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pelaksanaan Skim Dana Mudahcara:

- (a) apakah syarat-syarat dan kriteria-kriteria untuk setiap permohonan;  
dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan ketelusan dan kebebasan gangguan politik.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dana Mudahcara mula diperkenalkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sebagai inisiatif Kerajaan untuk membantu menggalakkan pelaburan dan pelaksanaan projek sektor swasta. Di bawah RMKe-10, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM20 bilion untuk Dana Mudahcara.

Bagi setiap permohonan, had pemberian Dana Mudahcara adalah tidak melebihi 10% dari kos pembangunan projek. Kaedah penyaluran dana dilakukan secara imbuhan balik (*reimbursable*) di mana pihak swasta

perlu membuat pelaburan terlebih dahulu sebelum dana disalurkan. Ini untuk memastikan projek yang dicadangkan benar-benar telah direalisasikan sebelum dana disalurkan. Projek yang memohon peruntukan Dana Mudahcara perlu memenuhi ciri-ciri berikut:

- (i) Projek termasuk dalam sektor-sektor keutamaan yang telah dikenalpasti di bawah *National Key Economic Areas* atau inisiatif lain di bawah RMKe-10;
- (ii) Pelaburan yang memberi impak strategik atau sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara;
- (iii) Berdaya maju dari segi komersil dan *sustainable* dalam jangka panjang tanpa bantuan Kerajaan; dan
- (iv) Nilai pelaburan tetap tidak kurang daripada RM100 juta.

Sementara itu, syarikat yang memohon perlu memenuhi kriteria dan syarat kelayakan seperti berikut:

- (i) Syarikat hendaklah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965;
- (ii) Syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 51% ekuiti tempatan;
- (iii) Untuk projek baru, pemohon hendaklah mempunyai sumbangan ekuiti dalam projek sekurang-kurangnya sama dengan nilai dana yang dipohon. (Ini bagi memastikan komitmen pemohon untuk

menjayakan projek);

- (iv) Mempunyai kapasiti, keupayaan, kemahiran/kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan; dan
- (v) Mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta berkeupayaan untuk mendapatkan pembiayaan komersil bagi pelaksanaan projek.

Bagi memastikan ketelusan dan kebebasan politik, semua permohonan Dana Mudahcara akan dinilai melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Permohonan Dana Mudahcara akan diteliti dan diproses berdasarkan kriteria yang ditetapkan serta dinilai merangkumi aspek teknikal dan kewangan projek. Setelah penilaian dilakukan, setiap permohonan akan dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) yang dipengerusikan oleh UKAS, JPM dan dianggotai oleh pelbagai agensi yang berkaitan. Permohonan Dana Mudahcara yang diperakui oleh JKAS seterusnya akan diangkat untuk kelulusan oleh Kerajaan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO**

**KAWASAN** : **PUCHONG**

**TARIKH** : **30 NOVEMBER 2011**

**SOALAN** :

**JAWAPAN :**

**Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang telahpun dan/atau akan diambil untuk mengurangkan masalah trafik di lebuh raya- lebuh raya utama di kawasan Parlimen Puchong memandangkan masalah ini makin teruk.  
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya sedia maklum mengenai isu kesesakan di lebuh raya- lebuh raya yang melalui kawasan Puchong terutamanya Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP) khususnya pada waktu puncak. Keadaan ini berpunca dari peningkatan jumlah aliran trafik di laluan berkenaan berikutan pertumbuhan pesat pusat-pusat komersial dan kawasan perumahan baru di sepanjang koridor lebuh raya berkenaan seperti di Puchong dan Bandar Sunway. Di samping itu, kesesakan ini turut disebabkan oleh terdapat banyak jalan keluar masuk (ingress and outgress) dari/ke lebuh raya berkenaan memandangkan LDP mengamalkan sistem tol secara terbuka (open system toll).

Untuk mengatasi masalah kesesakan ini, Kementerian Kerja Raya menerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. telah mengambil beberapa langkah proaktif bagi mengurangkan kesesakan di kawasan Parlimen Puchong tersebut. Antaranya ialah:

- 1) Pembinaan jambatan baru 2 lorong yang bermula dari



## **JAWAPAN :**

**Bandar Puteri ke Puchong Perdana;**

- 2) Menaiktaraf persimpangan lampu isyarat di Persimpangan Bertingkat Puchong Perdana yang melibatkan pelebaran jalan susur daripada 2 lorong kepada 3 lorong; dan**



- 3) **Pembinaan lorong tambahan laluan utama kedua-dua hala bermula dari Persimpangan Bertingkat Puchong Intan ke Persimpangan Bertingkat Kg. Baharu, Puchong.**

**Kerja-kerja pembinaan ini telah disiapkan dengan kos sebanyak RM105 juta dan dibuka kepada pengguna pada bulan Oktober 2011.**

**Di samping itu, Kerajaan telah membina Persimpangan Bertingkat Kinrara Utara di Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan telah dibuka kepada laluan pada November 2010. Laluan ini adalah sebagai laluan alternatif bagi pengguna dari Puchong ke Subang Jaya serta Jalan Kelang Lama dan sebaliknya. Selain itu, Kerajaan juga sedang merancang untuk pelaksanaan projek Lebuhraya Kinrara - Damansara (KIDEX) dan Lebuhraya Serdang - Kinrara - Putrajaya (SKIP). Dengan pembinaan kedua-dua lebuhraya ini kelak, ia dijangka mampu mengurangkan kesesakan trafik di Lebuhraya Damansara - Puchong.**

**Untuk makluman Dewan yang mulia, walaupun pelbagai perancangan dan pelaksanaan telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membendung isu kesesakan laluan di bandar-bandar, namun ia tidak akan dapat diselesaikan dengan cara membina jalan-jalan baru. Oleh itu, Kerajaan sedang mengambil pendekatan secara holistik untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam melalui Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP). Ia berperanan untuk menggalakkan**

**pengguna untuk beralih kepada mod pengangkutan awam sekaligus membantu mengurangkan masalah kesesakan yang sering dihadapi oleh penduduk-penduduk di bandar.**

**Sekian, terima kasih.**

No. Soalan : 32

PR-1243-

L46766

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN    JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF  
RAWA**

**TARIKH**

**30 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

**YB Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa  
[ Parit Buntar ]** minta **MENTERI  
LUAR    NEGERI** menyatakan  
pendirian Kerajaan Malaysia kepada  
kebangkitan dunia Arab dan  
rakyatnya yang menolak kepimpinan

pemimpin mereka.



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Malaysia berpandangan bahawa pergolakan politik dan kebangkitan dunia Arab seperti yang kita lihat berlaku di Tunisia, Yemen, Syria, Mesir dan Libya antara lain adalah disebabkan oleh masalah kepimpinan politik dan ekonomi dalaman di negara-negara berkenaan akibat dari peningkatan kadar pengangguran, kemiskinan, kadar infiasi yang tinggi serta ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan negara. Sekiranya berlarutan dan tidak ada penyelesaian yang memuaskan bagi semua pihak di negara-negara tersebut, ia akan memberi kesan ke atas kestabilan serantau dan ekonomi dunia termasuk Malaysia.

3. Dalam hal ini, pendirian Malaysia adalah selaras dengan dasar luar kita iaitu untuk tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara lain. Namun begitu, Malaysia telah melahirkan kebimbangan kita terhadap keganasan yang berlaku akibat konflik ini dan berharap agar ia dapat diselesaikan melalui dialog dan secara aman. Malaysia juga tetap akan meneruskan hubungan dua hala diplomatik dengan negara-negara berkenaan untuk memelihara kepentingan negara dari segi politik dan ekonomi, dan demi menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat Malaysia yang berada di sana.

Sekian, terima kasih.



(JO- CoAlAdvJ 1

~~biNQ: AUM : 39-~~

~~NO: AUP ;»~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN**

**DARIPADA TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA  
TERENGGANU]**

**TARIKH 30 LISAN NOVEMBER 2011**

**RUJUKAN 4221**

**SOALAN:**

**Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian selepas proses pendaftaran dan pemutihan. Apakah mekanisme KDN untuk mengusir pendatang asing ini khususnya di kawasan ladang dan luar bandar serta sempadan negara.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bentuk kawalan yang dilakukan bagi menghindari kebanjiran PATI adalah seperti berikut.

Kawalan sebelum masuk ke Malaysia adalah:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di

sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala kawalan setelah berada dalam negara adalah:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa; dan
- iii) Mengadakan Operasi Bersepadu dan berkala dengan penumpuan kepada kawasan-kawasan ladang, luar bandar dan pendalaman.

Kerajaan sentiasa melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah di dalam negara. Langkah-langkah penambahbaikan ini mampu memberi faedah maksima kepada negara.

**NO. SOALAN:**

**34 PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** TUAN HAJI AB. AZIZ AB.  
KADIR [KETEREH]  
**TARIKH** 30 NOVEMBER 2011 (RABU)

**SOALAN**

**TUAN HAJI AB. AZIZ AB. KADIR [KETEREH]** Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah projek Kerajaan Persekutuan yang diistilahkan sebagai **projek sakit** di negeri Kelantan mulai 2008 hingga kini. Apakah usaha atau tindakan yang telah diambil Kerajaan bagi memastikan projek tersebut siap.

**JAWAPAN**

Kerajaan sentiasa teliti dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan agar ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan supaya faedahnya dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh **Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)** terdapat sebanyak **20 projek** iaitu **1.4%** daripada **1,427** projek di negeri Kelantan yang telah mengalami kelewatan dari tarikh ia dirancang untuk disiapkan dan

dikategorikan sebagai projek sakit. Walau bagaimanapun, kesemua projek ini telah disambung pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Di bawah *Rolling Plan 1* RMK-10, terdapat **17 projek** iaitu **3.8%** daripada **451 projek** yang dilaksanakan di bawah **RMK-10** di negeri Kelantan yang telah mengalami **kelewatan** dari tarikh ia dirancang untuk disiapkan dan dikategorikan sebagai projek sakit. Antara sebab-sebab berlaku adalah melibatkan pengurusan dalaman kontraktor yang lemah, masalah mendapatkan bekalan bahan binaan, masalah utiliti dan masalah tenaga kerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH  
[KOTA  
BHARU]**

**TARIKH 30 NOVEMBER 2011**

**SOALAN:**

**DATO' HAJI WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pendaftaran pemilih secara

automatik akan dilaksanakan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dan sebagainya. Ini kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan, menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan.

Jika hal ini berlaku ia akan menimbulkan kesulitan pemilih itu sendiri. Contohnya, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru, tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat

bermastautin yang lama.

Peraturan pendaftaran automatik ini juga, jika dilaksanakan, amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan, kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat tinggal tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhuatiri ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh kerana itu, dikhuatiri peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjejaskan proses demokrasi. Berasaskan pada hakikat ini maka kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik. Namun begitu, Kerajaan senantiasanya mengkaji cara yang lebih efektif dan mempertimbangkan pelbagai cadangan untuk mempertingkatkan dan menambahbaik lagi kaedah pendaftaran yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[JELUTONG]**

**TARIKH**

**30 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tentang statistik kejadian penggodaman ke atas server yang muatkan laman-laman web Malaysia sepanjang 2008 hingga 2011. Adakah mana-mana agensi Kerajaan atau agensi-agensi upahan Kerajaan terlibat dalam kes penggodaman laman web Malaysia semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak dan Perarakan Bersih.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2008, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menubuhkan Pusat Keselamatan Rangkaian (*Network Security Center*) yang memantau rangkaian di Malaysia. Setelah mendapati ada peningkatan dalam aktiviti penggodaman terhadap laman-laman sesawang Malaysia pada tahun 2009, pusat ini secara pro-aktif mula mengawasi laman-laman sesawang Malaysia dan



## **SOALAN NO: 36**

mengenalpasti kelemahan yang boleh mengakibatkan pencerobohan atau penggodaman.

Ia juga mengenai pasti laman-laman sesawang Malaysia yang telah dicerobohi dan memberi nasihat tentang langkah-langkah membaik pulih kepada pemilik laman-laman sesawang. Berdasarkan rekod pengawasan yang dilakukan, dilaporkan sebanyak 1,741 laman-laman sesawang Malaysia yang telah digodam, semenjak tahun 2010. Sehingga bulan Ogos 2011, sebanyak 757 laman-laman sesawang yang telah digodam. Kebanyakan daripada penggodaman ini dibuat oleh penggodam dari negara luar.

Walaupun media melaporkan bahawa terdapat aktiviti penggodaman laman sesawang Malaysia semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak dan Perarakan Bersih, tiada laporan rasmi yang dibuat kepada pihak SKMM. Laporan perlu dikemukakan oleh pemilik laman web yang digodam untuk membolehkan pihak SKMM memeriksa log pelayan bagi laman web tersebut serta maklumat-maklumat lain yang perlu untuk mengesahkan aktiviti penggodaman benar-benar berlaku seperti yang didakwa.

YB jangan membuat sangkaan jahat. Kerajaan tak ada apa yang YB istilahkan sebagai agensi upahan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB  
DATO' LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**

**[BATANG SADONG]**

**TARIKH**

**30 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

**Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah obesiti di kalangan kanak-kanak dan remaja memandangkan masalah obesiti untuk golongan ini semakin meningkat.

**Tuan Yang Di-Pertua**

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah dalam usaha menangani masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Antaranya adalah:

- i) Pelaksanaan pembelajaran berkaitan pemakanan di dalam kurikulum mata pelajaran seperti Sains, Pendidikan Kesihatan, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Kurikulum ini merangkumi komponen amalan pemakanan sihat antaranya Piramid Makanan Malaysia, sukatan saiz hidangan, perancangan menu



harian dan perlabelan makanan. Usaha ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada murid-murid mengenai makanan dan amalan pemakanan sihat supaya pengetahuan, kesedaran dan tabiat pengambilan makanan yang baik dapat dipupuk.

- ii) Mewujudkan Program Doktor Muda di sekolah bermula 1989 yang bertujuan mempromosikan kesihatan murid sekolah rendah melalui konsep *empowerment*. Sehingga kini sejumlah 1,291 buah Sekolah Rendah di Malaysia telah menubuhkan Kelab Doktor Muda dengan melibatkan seramai 33,440 orang murid sekolah.
- iii) Memperkukuhkan komponen pemakanan di dalam Panduan Pengurusan Kantin Sekolah dengan menggariskan senarai makanan yang sesuai, tidak digalakkan dan dilarang dijual di kantin sekolah. Panduan ini menggariskan 227 jenis makanan yang boleh dijual serta 5 kategori makanan yang dilarang dijual dan 6 kategori makanan yang tidak digalakkan dijual.
- iv) Mengadakan pelbagai aktiviti promosi kesihatan di peringkat sekolah dan komuniti bagi meningkatkan pengetahuan mengenai amalan pemakanan yang sihat. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Program Kembara Riang Ria Pemakanan Sihat yang telah diadakan di 558 buah sekolah seluruh Malaysia, manakala Projek NCDP 1 Malaysia (*Non Communicable Disease Project 1 Malaysia*) telah diadakan di 220 komuniti seluruh Malaysia.
- v) Mengukuhkan saringan BMI di kalangan murid-murid sekolah kepada dua kali dalam setahun bagi mengenalpasti murid-murid yang mempunyai masalah berat badan untuk dirujuk ke klinik berdekatan

bagi tujuan rawatan. Saringan ini dijangka akan bermula pada Januari 2012. Ini seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi Persekitaran Hidup Yang Sihat (JKPHS) dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 4 April 2011.

- vi) Meluaskan pelaksanaan Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan di 710 buah klinik kesihatan kerajaan berdekatan komuniti setempat di seluruh Malaysia oleh Pegawai Sains Zat Makanan. Intervensi bagi menangani masalah obesiti serta penyakit tidak berjangkit akibat pemakanan ini telah memudahkan pesakit dan orang awam mendapatkan khidmat nasihat pemakanan dengan cepat dan tepat. Sehingga kini, seramai 163 orang Pegawai Sains Zat Makanan telah memberi perkhidmatan ini dengan liputan 27,479 orang pada keseluruhan tahun 2010 dan meningkat kepada 35,401 orang sehingga pertengahan tahun 2011.
- vii) Mengawal pengiklanan makanan segera semasa rancangan kanak-kanak di televisyen. Satu Garis Panduan Pengiklanan dan Pelabelan Maklumat Pemakanan bagi Makanan Segera telah dikeluarkan dan diedarkan kepada restoran-restoran makanan segera bermula pada tahun 2008. Sehingga kini, 206 iklan makanan segera yang disiarkan semasa program kanak-kanak melalui saluran televisyen di Malaysia telah disekat.
- viii) Mengurangkan risiko obesiti dan penyakit NCD di peringkat awal melalui penyusuan susu ibu secara eksklusif bagi 6 bulan yang

pertama. Ini dilaksanakan melalui Inisiatif Hospital Rakan Bayi yang bermula pada 1993, Klinik Rakan Bayi dan mengawal promosi produk gantian susu ibu melalui pelaksanaan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan. Sehingga kini, 134 buah hospital seluruh negara mendapat pengiktirafan Hospital Rakan Bayi.

**SOALAN NO: 38**

**PEMBERITAHU  
AN  
PERTANYAAN  
DARIPADA RAKYAT**

**JAWAB LISAN  
TUAN MUHAMMAD BIN  
HUSAIN [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH**

**30 NOVEMBER 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pemimpin dan pengikut gerakan perjuangan bersenjata menentang penjajah British sebelum 31 Ogos 1957 yang tidak berfahaman komunis.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Arkib Negara Malaysia tidak mempunyai data atau rekod yang khusus mengenai jumlah pemimpin dan pengikut gerakan perjuangan bersenjata sebelum merdeka yang tidak berfahaman Komunis kerana tiada pihak yang membekalkan maklumat tersebut.

**SOALAN NO: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**